



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDARAN PENDIDIKAN TERHADAP ASPEK PENERIMAAN DIRI, KOMUNIKASI DAN TINDAKAN DALAM KALANGAN PELAJAR ORANG ASLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESEDARAN PENDIDIKAN TERHADAP ASPEK PENERIMAAN DIRI,
KOMUNIKASI DAN TINDAKAN DALAM KALANGAN PELAJAR ORANG
ASLI**

NOOR AIDIL FITRIAH KHAN BT MAD MIKHAN



05-4506832



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (SOSIOLOGI PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



ptbupsi

**FAKULTI PEMBANGANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada ____ (hari) _____ (bulan) 20____

i. Perakuan pelajar :

Saya, _____ (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR)

NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

_____ adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini

mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

_____ (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia

[Type here]

[Type here]



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH / INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: _____

No. Matrik / Matric No.: _____

Saya / I : _____
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) from the categories below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau
kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia
Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official
Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh
organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains
restricted information as specified by the organization where research
was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasm / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

“Syukur kehadrat Illahi kerana memanangkan usiaku hingga ke saat ini dan berjaya mengharungi liku-liku kehidupan di sini”

Buat Ayahanda dan ibunda yang tercinta, Tuan Haji Mad Mikhan Bin Habibulkhan, Puah Hajjah Bariah Bt Abd Karim, pengorbananmu begitu besar buatku, doa, kasih sayang dan harapanmu membantuku dalam mengharungi setiap kesukaran dalam perjuangan ini. Semoga segala kebaikan dalam kejayaan ini menjadi asbab pahala dan rahmat Allah untuk kalian. Perih dan jerih usaha yang telah diberikan menjadikan usaha ini lebih indah. Terima kasih atas doa dan restu kalian, semoga Allah merahmati dunia dan akhiratmu. Adik beradik yang disayangi, Dr. Muhammad Dawotd Khan dan Dr. Noor Nasshima, silih berganti siang dan malam tetap juga kalian bertanyakan tentang perjalanan sarjana yang panjang dan sukar, ingatan dan kasih sayang kalian, menjadi sumber kekuatan serta inspirasiku untuk terus berjaya dan berusaha. Tidak lupa juga penjaga yang terhormat, Puan Hajjah Biakamyan Bt Abd Karim dan Puan Hajjah Aisyah Bt Abdul Karim, terima kasih menjadi pendorong dan penggalak kepada kejayaanku. Seterusnya, penghargaan dan penghormatan saya titipkan buat penyelia Prof Madya Dr. Norwaliza Bt Abd Wahab yang sentiasa memberikan bimbingan dan bantuan sepanjang penulisan ilmiah dijalankan. Buat rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa membantu sepanjang perjuangan kita di sini. Terima kasih di atas kenangan segalanya, semoga kejayaan menjadi milik kita semua, InshaAllah.





ABSTRAK

Kajian bertujuan mengenal pasti aspek penerimaan diri, komunikasi dan tindakan dalam kalangan pelajar Orang Asli terhadap kesedaran pendidikan di Daerah Rompin. Kajian kualitatif secara kajian kes di laksanakan dengan menggunakan protokol temubual, analisis dokumen dan pemerhatian bagi mendapatkan data kajian. Terdapat 12 orang pelajar Orang Asli Jakun berusia 14 dan 16 tahun serta 4 orang guru dari 5 buah sekolah sekitar Daerah Rompin dipilih sebagai responden kajian. Hasil dapatan kajian dibahagikan kepada 4 tema utama (i) penerimaan diri pelajar Orang Asli di sekolah, (ii) komunikasi pelajar Orang Asli di sekolah, (iii) tindakan pelajar Orang Asli terhadap kesedaran pendidikan, dan (iv) tindakan guru sebagai fasilitator dalam pengendalian pembelajaran di sekolah. Dapatan kajian bagi tema yang pertama menunjukkan bahawa pelajar Orang Asli dapat menerima diri mereka dalam persekitaran sekolah yang terdapat pelbagai latar belakang pelajar, tetapi hasil dapatan kajian daripada tema kedua menunjukkan responden memerlukan bantuan daripada aspek komunikasi melalui sistem pendidikan. Manakala dapatan kajian bagi tema ketiga menjelaskan bahawa responden berusaha untuk menempatkan diri dalam sekolah melalui pendidikan dengan bimbingan dan bantuan guru. Dapatan kajian daripada tema keempat mendapati tindakan daripada guru menyokong usaha pengajaran dan pembelajaran agar dapat di sampaikan secara lebih baik selaras dengan tujuan kajian bagi meningkatkan kesedaran pendidikan pelajar Orang Asli. Kepentingan kajian kepada pelajar Orang Asli adalah untuk mendapatkan peluang pendidikan yang baik di samping meningkatkan keberkesanan pembelajaran melalui kesedaran pendidikan. Di samping itu, kepentingan serta objektif kajian memberikan impak kepada implikasi kajian meliputi keseluruhan aspek penerimaan diri, komunikasi dan tindakan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekitar Daerah Rompin, Pahang.





KESEDARAN PENDIDIKAN TERHADAP ASPEK PENERIMAAN DIRI, KOMUNIKASI DAN TINDAKAN DALAM KALANGAN PELAJAR ORANG ASLI

ABSTRACT

The study aims to identify aspects of self -acceptance, communication and action among Orang Asli students on educational awareness in Rompin District. Qualitative study by case study was implemented by using interview protocol, document analysis and observation to obtain study data. There are 12 Orang Asli Jakun students aged 14 and 16 years old and 4 teachers from 5 schools around Rompin District were selected as study respondents. The results of the study are divided into 4 main themes (i) self - acceptance of Orang Asli students in school, (ii) communication of Orang Asli students in school, (iii) action of Orang Asli students on educational awareness, and (iv) action of teachers as facilitators in handling learning in school. The findings of the first theme show that Orang Asli students can accept themselves in a school environment where there are various backgrounds of students, but the results of the study of the second theme show that respondents need help from the aspect of communication through the education system. While the findings of the study for the third theme explained that respondents strive to place themselves in school through education with the guidance and assistance of teachers. The findings of the study from the fourth theme found that actions from teachers support teaching and learning efforts to be better communicated in line with the purpose of the study to increase the educational awareness of Orang Asli students. The importance of research to Orang Asli students is to get good educational opportunities while increasing the effectiveness of learning through educational awareness. In addition, the importance and objectives of the study have an impact on the implications of the study covering all aspects of self -acceptance, communication and action among Orang Asli students around Rompin District, Pahang.





ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Tujuan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	9
1.6 Persoalan Kajian	9
1.7 Kerangka Konseptual	10
1.7.1 Diri	13





1.8	Definisi Operasional	15
1.8.1	Penerimaan Diri	15
1.8.2	Komunikasi	16
1.8.3	Tindakan	17
1.8.4	Kesedaran Pendidikan	18
1.8.5	Pelajar Orang Asli	18
1.8.6	Sekolah Orang Asli	19
1.9	Batasan Kajian	20
1.9.1	Batasan Kajian Mewakili Jumlah Responden	21
1.9.2	Batasan Lokasi Kajian	21
1.9.3	Batasan Jangka Masa Kajian	22
1.9.4	Batasan Instrument Kajian	23
1.9.5	Batasan Kandungan Kajian Lepas	23
1.10	Kepentingan Kajian	24
1.10.1	Kepentingan Kajian Kepada Golongan Pelajar Orang Asli	25
1.10.2	Kepentingan Kajian Kepada Masyarakat Orang Asli	26
1.10.3	Kepentingan Kajian Kepada Generasi Guru	27
1.10.4	Kepentingan Kajian Kepada Pihak Pengurusan Universiti	28
1.11	Kesimpulan	29





BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Teori Interaksionalisme	32
2.3	Teori Sosialisasi	34
2.4	Orang Asli dan Pendidikan	36
2.5	Kesedaran Pendidikan dalam Kalangan Pelajar Orang Asli	39
2.6	Kepentingan Pendidikan untuk Orang Asli	45
2.7	Peranan Guru	49
2.8	Kesimpulan	51



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	52
3.2	Reka Bentuk Kajian	53
3.3	Etika Penyelidikan	56
3.4	Lokasi Kajian	57
3.5	Persampelan dan Responden Kajian	60
3.6	Instrument Kajian	61
	Bahagian A	63
	Bahagian B	63
	Bahagian C	64
	Bahagian D	65
3.7	Aspek Trigulasi	66





3.8	Proses Pengumpulan Data	67
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	68
3.10	Prosedur Menganalisis Data	70
3.11	Kesahan dan Kebolehpercayaan	70
3.12	Kajian Rintis	72
3.13	Kesimpulan	72

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	74
-----	-------------	----

4.2	Dapatan Kajian	75
-----	----------------	----

4.3	Dapatan Kajian Responden POA	76
-----	------------------------------	----

4.3.1	Bahagian A: Demografi POA	76
-------	---------------------------	----

4.3.1.1	Latar Belakang R1	77
---------	-------------------	----

4.3.1.2	Latar Belakang R2	77
---------	-------------------	----

4.3.1.3	Latar Belakang R3	78
---------	-------------------	----

4.3.1.4	Latar Belakang R4	78
---------	-------------------	----

4.3.1.5	Latar Belakang R5	79
---------	-------------------	----

4.3.1.6	Latar Belakang R6	79
---------	-------------------	----

4.3.1.7	Latar Belakang R7	80
---------	-------------------	----

4.3.1.8	Latar Belakang R8	80
---------	-------------------	----

4.3.1.9	Latar Belakang R9	81
---------	-------------------	----

4.3.1.10	Latar Belakang R10	81
----------	--------------------	----

4.3.1.11	Latar Belakang R11	82
----------	--------------------	----





4.3.1.12	Latar Belakang R12	82
4.4	Objektif 1	83
4.4.1	Bahagian B: Penerimaan Diri POA	83
4.4.1.1	Pandangan POA Terhadap Diri Sendiri	85
4.4.1.2	Penilaian POA Terhadap Penerimaan Guru dan Pelajar lain	88
4.5	Objektif 2	
4.5.1	Bahagian C: Komunikasi POA di Sekolah	94
4.5.1.1	Kemampuan Berinteraksi Dengan Pelajar Lain	95
4.5.1.2	Bahasa Perantara di dalam PdPc	100
4.6	Objektif 3	
4.6.1	Bahagian D: Tindakan POA Terhadap Kesedaran Pendidikan	104
4.6.1.1	Pemahaman dalam Sesi PdPc	106
4.6.1.2	Hubungan POA dengan guru semasa PdPc	109
4.6.1.3	Persediaan Kendiri POA	110
4.7	Temubual Guru Orang Asli di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Rompin	117
4.7.1	Latar Belakang Responden	117
4.7.1.1	Latar Belakang R13	117
4.7.1.2	Latar Belakang R14	117
4.7.1.3	Latar Belakang R15	118
4.7.1.4	Latar Belakang R16	118





4.8 Objektif 4

4.8.1 Tindakan Guru sebagai Fasilitator dalam Pengendalian Pembelian di Sekolah	119
4.8.1.1 Tindakan Guru Terhadap Potensi POA	121
4.8.1.2 Elemen Pemudahcara yang Diaplikasikan dalam PdPc	127
4.8.1.3 Motivasi kepada Pelajar Melalui PdPc	133
4.9 Rumusan	139

BAB 5**PERBINCANGAN, IMPLIKASI KAJIAN DAN CADANGAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan	140
5.2 Ringkasan Kajian	140
5.3 Perbincangan Kajian	144
5.3.1 Penerimaan Diri POA di Sekolah	144
5.3.2 Komunikasi POA di Sekolah	145
5.3.3 Tindakan POA Terhadap Kesedaran Pendidikan	147
5.3.4 Tindakan Guru Sebagai Fasilitator dalam Pengendalian Pembelajaran di Sekolah	153
5.4 Cadangan Kajian	158
5.5 Rumusan	161
RUJUKAN	163





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Skema Teori Interaksi Simbolik	12
3.1 Carta Aliran Reka Bentuk Kajian	55
4.1 Pembahagian Tema Objektif 1 Kajian Penyelidikan	84
4.2 Pembahagian Tema Objektif 2 Kajian Penyelidikan	94
4.3 Pembahagian Tema Objektif 3 Kajian Penyelidikan	104
4.4 Fungsi Guru sebagai Fasilitator	118
5.1 Ringkasan Dapatan Kajian Mengikut Sub Topik Kajian	140





SENARAI SINGKATAN

CFA	Comfirmatory Factor Analysis
EFA	Exploratory Factor Analysis
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JPNP	Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPI	Indeks Prestasi Utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KV	Kolej Vokasional
PAK21	Pembelajaran Abad ke 21
PdPc	Pengajaran dan Pemudahcaraan
PICC	Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPD	Rompin Pejabat Pendidikan Daerah Rompin
POA	Pelajar Orang Asli
R	Responden
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
RPS	Rancangan Pengumpulan Semula
SCEQ	School Cultural Elements Questionnaire





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SEM

Structural Equation Modelling

SPM Sijil

Pelajaran Malaysia

SUHAKAM

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

UiTM

Universiti Teknologi Mara

UNESCO

UNITED Nations Educational, Science and Culture
Organisation

UPSR

Ujian Penilaian Sekolah Rendah



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Pengesahan Pelajar Sarjana Pendidikan (Sosiologi Pendidikan)
- B Carta Aliran Perkembanga Proses Kajian Penyelidikan.
- C Set Protokol Temubual.
- D Pengesahan Protokol Temubual oleh Pakar Berkaitan
- E Kelulusan ERAS Bersyarat untuk Menjalankan Kajian: Kesedaran Pendidikan dalam Kalangan Pelajar Orang Asli di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Rompin, Pahang.
- F Kelulusan Bersyarat JPNP untuk Menjalankan Kajian: Kesedaran Pendidikan dalam Kalangan Pelajar Orang Asli di Sekolah Menengah Sekitar Daerah Rompin, Pahang.
- G Data Responden yang Telah Diperoleh Sepanjang Kajian Dijalankan.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Perubahan masyarakat dan anjakan globalisasi menunjukkan bahawa manusia melalui satu peringkat perkembangan dunia tanpa sempadan. Perubahan dan peredaran zaman kuno kepada ketamadunan teknologi menjadikan manusia sebagai elemen utama pencetus kehebatan pendidikan. Menurut Nurhaidah (2015), globalisasi secara fizikalnya adalah dilihat daripada perkembangan ibu kota yang menjadi sebahagian daripada kepesatan perkembangan dunia yang merangkumi sistem infrastruktur, telekomunikasi, pengangkutan, perniagaan bertaraf antarabangsa serta perkembangan cabang-cabang ekonomi sesebuah negara termasuklah pendidikan. Demikian, masih juga terselit kecinciran dalam kalangan masyarakat untuk turut sama memperoleh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



kesedaran pendidikan dalam sesetengah golongan pelajar Orang Asli yang masih tidak berkembang taraf pendidikan seiring peredaran zaman.

Seiring dengan seruan Falsafah Pendidikan Kebangsaan 1996 yang memberikan penekanan kepada suatu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan menjadi kayu ukur akan pentingnya fokus kualiti seorang individu khususnya dalam kalangan golongan minoriti bagi melahirkan ahli masyarakat menyeluruh yang berkualiti dan mempunyai konsep kendiri positif. Kemampuan mahasiswa pendidikan yang berkualiti akan memberikan impak positif kepada perkembangan sistem sosial masyarakat yang akan dibimbing kelak (FPK, 1996). Jelas bahawa kelestarian pendidikan memberikan impak kepada pembangunan kehidupan Orang Asli selain daripada mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan pelajar Orang Asli.

Pelbagai usaha telah dirangka untuk memastikan golongan kanak-kanak Orang Asli menerima layanan pendidikan yang sewajarnya sebagai pelapis kepada generasi akan datang. Selain daripada memberikan peluang pendidikan yang meluas dalam arus perdana pendidikan. Penekanan pendidikan bermula daripada kanak-kanak adalah satu usaha yang jelas supaya kanak-kanak Orang Asli menyedari kepentingan pendidikan dan terdedah dengan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas, (Wahab *et al*, 2017).





Sejajar dengan laungan kepentingan pendidikan kepada golongan minoriti, layanan sama rata dalam pendidikan kepada golongan kanak-kanak oleh UNESCO diwartakan dalam program *UNESCO's Division of Basic Early Childhood* (2006) memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak kepada Orang Asli tanpa membelakangkan ciri-ciri budaya dan identiti golongan minoriti Orang Asli. Golongan Orang Asli mula mendapat perhatian dunia apabila keciran dalam dunia pendidikan menjadikan mereka masih jauh terkebelakang dengan kemodenan yang dinikmati oleh golongan majoriti di Malaysia secara khususnya.

Kesimpulannya, pendidikan adalah tunjang utama kepada perkembangan menyeluruh perubahan yang seharusnya berlaku dalam masyarakat terutamanya dalam kalangan pelajar Orang Asli di Malaysia. Oleh yang demikian, kepentingan peningkatan kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli perlu terus dirangka dan dipertingkatkan bagi memastikan golongan minoriti Orang Asli akan turut sama menelusuri perkembangan pendidikan yang terdapat di Malaysia.

1.2 Latar Belakang

Pendidikan merupakan fokus utama dalam pembentukan sesebuah perkembangan fikiran dan perspektif kehidupan bermasyarakat. Pelbagai faktor menjadi penghalang kepada kemampuan dan kemajuan Orang Asli untuk memahami kepentingan kepada kesedaran pendidikan antaranya ialah kemudahan pengangkutan untuk ke sekolah, kemudahan kehidupan harian dan kebimbangan akan hilangnya jati diri dan adat resam nenek moyang. Selaras dengan maklumat di dalam Utusan Online pada 20 Jun 2016





menyatakan secara keseluruhan kira-kira 1000 anggota suku Kaum Batek yang hidup berpindah randah ke lokasi yang jauh daripada akses kepada pelbagai kemudahan sehingga menyebabkan anak-anak kaum Batek kurang berminat atau tidak mempunyai peluang ke sekolah.

Oleh itu, Kementerian Pelajaran Malaysia KPM dalam perangkaan jangka panjang pada Oktober 2011 menggariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 turut memberikan fokus kepada golongan minoriti Orang Asli, Pribumi Sabah dan Sarawak merangkumi sebanyak 4% daripada keseluruhan semua pelajar sekolah di peringkat rendah dan menengah di Malaysia. Keseluruhan pelajar daripada golongan minoriti adalah mewakili sebanyak 68% yang menetap diluar banda manakala 80% daripada keseluruhan adalah mewakili pelajar di bahagian Sabah dan Sarawak. Data keseluruhan KPM mendapati 20% daripada golongan Orang Asli keciciran dalam pendidikan walaupun kebanyakkan daripada pelajar lulus mata pelajaran teras dalam peperiksaan UPSR (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Demikian, keprihatinan KPM dalam usaha meningkatkan kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli memerlukan perhatian yang khusus dalam perangkaan jangka masa panjang.

Menurut Utusan (2019) yang memetik kenyataan Tun Dr. Mahathir dalam Konvensyen Orang Asli di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) mengenai 1,090 orang pelajar Orang Asli yang berada di Universiti Awam dalam pelbagai jurusan serta sejumlah kecil yang berjaya menyambung pengajian di luar negara. Tambahan pula, dalam konvensyen yang sama memetik mengenai hasrat kerajaan untuk terus memperkasakan pendidikan bagi golongan Orang Asli melalui



perangkaan Skim Bantuan Galakkan Pendidikan yang telah diwujudkan di bawah seliaan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), turut mempertimbangkan setiap penamaikan dan cadangan yang mampu mengubah status ekonomi golongan Orang Asli (Utusan, 2019).

1.3 Pernyataan Masalah

Ledakan era globalisasi memberikan kesan kepada isu pendidikan dan secara tidak langsung mengubah cara kehidupan dalam masyarakat yang berdasarkan kepada adat dan agama. Orang Asli merupakan golongan minoriti yang sering dikaitkan dengan keciran daripada arus kehidupan mahupun pendidikan. Sejajar dengan kajian oleh Khir et al. (2016) menyatakan kurang pendedahan mengenai perkembangan pendidikan yang secara tidak langsung menyukarkan usaha pembangunan dan perkembangan, malah mereka sering dikaitkan dengan kemiskinan serta kemunduran yang secara langsung menghalang mereka mencapai kemajuan. Tambahan pula, kajian turut menekankan konteks minoriti Orang Asli yang masih jauh ketinggalan daripada segi aspek pendidikan jika dibandingkan dengan masyarakat dalam arus perdana (Khir et al., 2016).

Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA, 2018) jumlah pelajar Orang Asli di peringkat sekolah menengah adalah mewakili separuh daripada jumlah 26,571 orang pelajar di peringkat sekolah rendah dengan jumlah 13,155 orang pelajar sahaja. Jurang kepada jumlah pelajar dilihat sebagai suatu petanda kepada keciran yang serius sekiranya ia tidak ditangani dengan baik oleh pihak bertanggungjawab. Justeru, perubahan dalam aspek kesedaran Orang Asli masih dilihat terlalu perlahan dan tidak



menunjukkan perubahan yang ketara dalam statistik tahun demi tahun. Selaras dengan kajian yang dijalankan oleh Aminudin Mohamed dalam (Nur, & Wee, 2013) bahawa salah satu daripada punca kemunduran Orang Asli adalah berasaskan kepada pengamalan hidup Orang Asli yang tidak terdedah dengan pendidikan yang stabil dan pengamalan sikap sambil lewa dalam pendidikan.

Terdapat pelbagai faktor yang telah dikaji dan dikenalpasti oleh sarjana penyelidikan berkaitan faktor dan usaha telah dijalankan bagi meningkatkan kesedaran terhadap pendidikan dalam kalangan Orang Asli. Merujuk kepada kajian yang dijalankan oleh Muizzuddin et al. (2018) menyatakan dapatan kajian yang berkaitan kegagalan Orang Asli untuk memajukan diri dalam pendidikan memberikan kesan kepada pelbagai faktor keciciran termasuklah kesukaran untuk memperoleh pekerjaan yang lebih baik. Oleh yang demikian, kajian penyelidikan perlu terus dijalankan untuk memastikan kesinambungan usaha yang telah dikenal pasti sebagai penghalang pendidikan kepada golongan Orang Asli agar tidak terus tercincir dan ketinggalan daripada merasai sendiri pengalaman pendidikan sebagai masyarakat yang turut sama memacu kemajuan Malaysia.

Selain itu juga, kajian yang dijalankan oleh Mohamad Johdi & Abdul Razak (2009) menyokong dapatan kajian yang berkisarkan kepada kesedaran Orang Asli mengenai pendidikan telah lama wujud akan tetapi dibatasi oleh pengamalan budaya yang tidak memberikan ruang serta menyempitkan cara fikir golongan Orang Asli untuk mengubah cara kehidupan mereka. Oleh itu, kajian lanjutan bagi mengenalpasti cara terbaik untuk membantu golongan Orang Asli memahami dan menyedari



kepentingan pendidikan tanpa membelakangkan elemen pengamalan budaya serta pilihan beragama dalam kalangan Orang Asli.

Berdasarkan kajian Afizi, Hanafi, Ahmad, & Ali (2017) menyatakan hasil dapatan kajian berkaitan penurunan dan prestasi pendidikan pelajar Orang Asli yang rendah disebabkan oleh sikap ibu bapa yang tidak mempunyai kesedaran tentang pendidikan anak-anak, kekurangan motivasi dalam diri pelajar, halangan daripada persekitaran fizikal dan pengamalan budaya yang tidak mahu menerima kemajuan diluar persekitaran mereka. Oleh yang demikian, penyusunan semula program-program pendidikan perlu dikenalpasti melalui penyelidikan lanjutan yang dijalankan. Penyelidikan merupakan bukti dan panduan keperluan yang membantu penyusunan semula program untuk meningkatkan prestasi pendidikan Orang Asli.

Norwaliza, Ramlee, & Jasmi (2017) menyatakan dalam kajian mengenai akibat daripada kurangnya perhatian mengenai pendidikan yang serius oleh golongan Orang Asli telah menjaskan sebarang usaha yang dirangka untuk mengatasi masalah pendidikan dalam kalangan Orang Asli terutamanya dalam bidang akademik. Demikian, pelajar Orang Asli kurang kompeten daripada aspek kognitif melalui penilaian pengetahuan berpuncak daripada tahap pendidikan golongan ibubapa Orang Asli yang rendah, secara tidak langsung ia mendorong mereka untuk tidak peka terhadap isu pendidikan anak-anak.

Kajian Lee et al. (2018) membincangkan mengenai keciciran pendidikan Orang Asli masih tetap belum dapat diselesaikan walaupun selepas lebih 30 tahun yang lalu kerana ramai pelajar Orang Asli hanya mendapatkan pendidikan sehingga peringkat



sekolah rendah sahaja. Oleh yang demikian, usaha kerajan melalui perancangan dan pembangunan pendidikan untuk Orang Asli adalah suatu inisitif yang sukar untuk dilaksanakan.

Sharifah Md Nor et al. (2011) menyatakan faktor keciciran pelajar Orang Asli adalah berpunca daripada pencapaian akademik yang rendah, kurang sokongan dan galakkan daripada ibubapa dan kekurangan bantuan kemudahan yang turut disokong oleh dapatan kajian Juli Edo (2012) yang menerangkan mengenai faktor utama pendidikan Orang Asli terkebelakang adalah disebabkan oleh latar belakang kewangan dan sosioekonomi keluarga Orang Asli. Oleh yang demikian, golongan Orang Asli tidak memberikan kerjasama dan komitmen terhadap keperluan pendidikan yang secara tidak langsung telah menyebabkan komuniti Orang Asli tercincir daripada turut menikmati perkembangan dan pembangunan kemudahan pendidikan yang percuma.

Inisiatif penyelidik memberikan penekanan kepada aspek penerimaan diri, komunikasi dan tindakan adalah suatu usaha yang dijalankan bagi mengenalpasti aspek terdekat dengan budaya Orang Asli untuk meningkatkan kesedaran pendidikan.

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan utama kajian dijalankan adalah memberikan fokus untuk mengenal pasti dan menganalisis kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli terhadap kepentingan pendidikan di sekitar Daerah Rompin, Pahang. Sejajar dengan itu, objektif kajian dirangka bagi menerangkan fokus utama kajian penyelidikan dijalankan.





1.5 Objektif Kajian

Berdasarkan tujuan yang dinyatakan terdapat empat objektif kajian yang digariskan iaitu:

- 1) Meninjau konsep penerimaan diri pelajar yang mempengaruhi kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekolah menengah.
- 2) Meninjau konsep komunikasi pelajar yang mempengaruhi kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekolah menengah.
- 3) Meninjau konsep tindakan pelajar yang mempengaruhi kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekolah menengah.
- 4) Meninjau konsep tindakan guru sebagai fasilitator yang mempengaruhi kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekolah menengah.



1.6 Persoalan Kajian

- 1) Bagaimanakah penerimaan diri pelajar yang mempengaruhi kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekolah menengah?
- 2) Bagaimanakah komunikasi pelajar yang mempengaruhi kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekolah menengah?
- 3) Bagaimanakan tindakan pelajar yang mempengaruhi kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekolah menengah?
- 4) Bagaimanakah tindakan guru sebagai fasilitator mempengaruhi kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekolah menengah?





1.7 Kerangka Konseptual

Penyelidikan dijalankan berdasarkan kepada pemilihan teori yang boleh dirujuk dalam proses penyelidikan berkaitan sistem sosial dan kesedaran kepada perubahan tingkah laku. Teori Interaksional Simbolik menjadi asas kepada pembentukan kajian penyelidikan. Teori Interaksional Simbolik dipelopori oleh George Herbert Mead yang merupakan salah seorang tokoh falsafah yang berasal daripada Amerika Syarikat.

Dalam kajian Mead (1934) menyatakan masyarakat mempunyai kedudukan utama dalam skema pemikirannya. Tumpuan Mead adalah mengenai perkembangan pendapat beliau tentang masyarakat yang majoritinya terbatas dalam menyelesaikan masalah. Penulisan Mead dalam bukunya *Mind, Self and Society* menjelaskan kehidupan kumpulan manusia merupakan asas kepada kewujudan kesedaran, akal, dunia, objek dan manusia sebagai elemen yang berkuasa ke atas diri sendiri serta tingkah laku manusia dalam bentuk penyatuan tingkah laku. Mead tidak menyokong anggapan tradisional yang berdasarkan kepada falsafah, psikologi serta pemikiran sosiologi dan manusia memiliki akal serta kesedaran sebagai suatu “anugerah” semulajadi (Najeemah Mohd, 2004).


Sejajar dengan pemilihan teori, penyelidik memilih Teori Interaksional Simbolik sebagai model bagi membina kerangka konseptual berkesan untuk diadaptasikan dalam kajian kesedaran golongan orang asli terhadap kepentingan pendidikan di sekitar Daerah Rompin, Pahang. Teori Interaksional Simbolik mempunyai lima elemen utama iaitu i) diri, ii) tindakan, iii) interaksi sosial, iv) objek,



v) tindakan bersama ditulis dalam penulisan buku George Herbert Mead bertajuk *Mind, Self and Society* (Mead, 1934). Setiap elemen kepada Teori Interaksional Simbolik mempunyai rasionalisasi yang berbeza (Puddephatt, 2008).

Penyelidik memilih elemen diri sebagai fokus kepada penyelidikan yang dijalankan. Hal ini adalah kerana kesedaran pendidikan perlu bermula daripada dalaman diri seseorang individu termasuklah daripada golongan Orang Asli. Teori Interaksional Simbolik adalah umumnya digunakan untuk menyampaikan simbol-simbol yang mempunyai makna bagi menginterpretasikan sesuatu keinginan organisma.

Penyampaian sesuatu kemahuan terhadap individu atau objek menggunakan simbol dan bertindak balas menggunakan simbol yang mudah difahami berdasarkan kepada norma komunikasi dalam kalangan masyarakat (Ibrahim et al., 2012). Demikian, golongan Orang Asli merupakan antara golongan paling awal wujud di Malaysia, malah mereka turut dikenali sebagai golongan Pribumi yang menggunakan simbol-simbol sebagai perantara interaksi mereka.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Skema Teori Interaksional Simbolik yang di adaptasikan daripada Teori Interaksional Simbolik oleh George Herbert Mead. Sumber daripada kajian penyelidikan oleh Najeemah 2004



Merujukan kepada Rajah 1.1, Skema Teori Interaksional Simbolik yang diadaptasikan daripada Teori Interaksional Simbolik oleh George Herbert Mead (1934) digunakan sebagai panduan untuk menjalankan kajian dan mencapai tujuan serta objektif kajian yang telah ditetapkan. Berdasarkan kepada Teori Interaksi Simbolik yang dipelopori oleh Mead terdapat lima elemen utama yang berdasarkan kepada lima aspek utama iaitu diri, tindakan, interaksi sosial, objek dan tindakan bersama. Penyelidik memilih aspek diri untuk mengenalpasti elemen utama kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli.

1.7.1 Diri

Individu merupakan pemilikan khas yang diberikan gelaran kepada manusia. Setiap manusia adalah individu yang mempunyai kecenderungan kesedaran untuk menerima diri sendiri sebagai seseorang daripada perspektif diri sendiri, individu lain mahupun pendapat masyarakat mengenai diri seseorang. Seseorang individu mempunyai proses pertumbuhan dan perkembangan yang berbeza mengikut tahap kemampuan sistem badan seseorang. Selain itu juga, setiap daripada individu akan menjalani proses interaksi sosial sepanjang pertumbuhan dan perkembangan terutamanya berlaku dalam usia perkembangan awal (Lichtman, 1970).

Dalam kajian Lichtman (1970) mengenai penulisan buku *Mind, Self and Society* adalah hampir mustahil untuk seseorang individu lahir tanpa melalui atau mengalami sendiri pengalaman sosial dalam proses pertumbuhan dan perkembangan manusia. Setiap individu menyedari proses sosial yang berlaku ke atas diri mereka. Mereka





berperanan untuk menyampaikan simbol sebagai interaksi, bertindak balas menggunakan simbol dan menerima kesan atau hasil daripada interaksi yang telah dituturkan selain daripada mampu untuk menginterpretasikan makna kepada sesuatu simbol sebagai tindakan yang selanjutnya.

Tambahan pula, diri adalah berkaitan dengan proses melihat diri sendiri atau refleksi diri yang secara amnya dikenali sebagai kawalan kendiri. Refleksi diri menurut Mead adalah individu mampu menyesuaikan diri dengan situasi di mana mereka berada, sekaligus memberikan fungsi dari sudut makna dan kesan tindakan yang mereka sumbangkan. Dalam erti kata lain, individu adalah secara tidak langsung meletakkan diri mereka dalam sudut pandangan orang lain untuk dijadikan sumber kepada pembentukan diri dalam sesebuah kelompok sosial masyarakat (Najeemah Mohd, 2006).



Elemen diri dikaji adalah terbahagi kepada tiga elemen iaitu motivasi, komunikasi intrapersonal yang mempunyai nilai dalam pertumbuhan dan perkembangan seseorang individu. Individu melakukan sesuatu perkara melalui ransangan dan usaha yang digalakkan dengan menghasilkan tingkah laku berkaitan mobiliti sosial sebagai bukti kepada interaksional simbolik.

Terdapat tiga aspek dikaitkan dengan diri merangkumi bagaimanakah seseorang individu melihat diri sendiri dimata orang lain di sekelilingnya, memahami bagaimanakah penilaian orang lain mengenai cara dan penampilan seseorang individu dan mendalami perasaan serta nilai yang dilalui, dirasai seseorang individu berdasarkan kepada perasaan diri sendiri.





Diri adalah pandangan dan penilaian diri mengenai diri sendiri mahupun pandangan orang lain terhadap diri serta penilaian orang lain terhadap penampilan diri seseorang individu. Selain itu juga, diri adalah nilai yang dijadikan kayu ukur untuk menentukan sejauh mana keinginan dan kesedaran dalam diri mampu untuk diterjemahkan kepada tindakan yang menghasilkan kebaikan kepada diri individu.

Mead turut menyatakan perbandingan antara perkataan “*I*” dan “*ME*” yang membawa makna dan fungsi yang berbeza kepada individu. Istilah “*I*” digunakan pada diri seseorang untuk menggambarkan keinginan hati, kehendak individu dan ia tidak dapat difahami oleh orang lain secara luaran. Manakala “*ME*” pula adalah berfungsi sebagai objek yang memberikan gambaran dan bersifat hati-hati dalam menjalankan sesuatu tindakan. Kebanyakkannya masyarakat modern banyak menggunakan istilah dan peranan “*ME*” berbanding masyarakat tradisional yang menggunakan “*I*” untuk menggambarkan diri (Najeemah Mohd, 2004).

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Penerimaan Diri

Penerimaan merupakan isu yang sering timbul dalam kalangan pelajar terutamanya dalam menentukan suatu mekanisme yang menjana kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran. Penerimaan diri dapat didefinisikan sebagai suatu kemampuan individu dan kesediaan untuk menjadi diri sendiri dalam sesuatu keadaan yang dilalui dalam persekitarannya. Tambahan pula, penerimaan diri adalah kesesuaian penilaian



kendiri seseorang individu yang sewajarnya pada sesuatu keadaan yang memerlukan dirinya menjadi diri sendiri (Carson & Langer, 2006).

1.8.2 Komunikasi

Secara umumnya komunikasi adalah suatu proses dua hala yang berlaku secara bertujuan untuk menyampaikan sesuatu mahupun menjelaskan sesuatu tujuan. Komunikasi berlaku lebih daripada dua individu, namun komunikasi yang disandarkan dalam kajian penyelidikan adalah berkaitan komunikasi dalam diri seseorang individu. Komunikasi dengan diri sendiri untuk memastikan keinginan, kemahuan mahupun kehendak tercapai.

Komunikasi yang dimaknakan dalam kajian adalah komunikasi yang berlangsung dalam diri seseorang individu. Komunikasi yang berlaku dalam diri seseorang yang sedang berfikir mengenai sesuatu kejadian dalam diri yang sedang berlaku dalam diri sendiri. Dalam erti kata lain, komunikasi dengan diri sendiri adalah monolog yang berlaku dalam diri seseorang untuk mengubah sesuatu, mengharapkan sesuatu atau membuat sesuatu keputusan untuk diri sendiri dengan kesedaran akan sebab dan akibat daripada keputusan yang dipilih (Marniyati, 2012).

Tambahan pula, monolog dalam diri merupakan antara proses yang berkaitan proses-proses psikologi dengan bertunjangkan kepada persepsi, pendapat mahupun kesedaran mengenai diri sendiri yang hanya berlaku dalam diri seseorang individu tanpa merentas sempadan pemikiran orang lain. Keberhasilan komunikasi dengan diri

sendiri akan turut menentukan cara dan bagaimana keberhasilan antara komunikasi dengan orang lain atau komunikasi interpersonal (Marniyati, 2012). Antara contoh komunikasi intrapersonal adalah mengenai muhasabah diri, bermunajat, berdoa mahupun bersyukur yang hanya berlaku atas keinginan dalam diri dan urusan mengenai peribadi seseorang individu.

1.8.3 Tindakan

Tindakan merupakan suatu proses perubahan atau tindak balas seseorang individu termasuklah organisma daripada kelompok daripada kedudukan kepada kedudukan lain dalam sesebuah kelompok masyarakat berdasarkan kepada sesuatu ransangan yang dilakukan ke atas individu. Kajian (Mohamad Sahari, 2016) mendefinisikan tindakan guru bagi mencelikkan pemikiran dan menyuburkan kepelbagaiannya nilai dalam diri para pelajar yang mempunyai potensi besar untuk disumbangkan kepada diri pelajar, keluarga dan masyarakat sekitar.

Dalam konteks kajian ini, tindakan yang dilakukan individu adalah agen terbaik untuk mengubah cara hidup, persepsi dan pandangan diri seseorang individu untuk mencapai kesedaran mengenai kepentingan pendidikan. Pendidikan merupakan sumber perubahan yang terbaik untuk dijadikan sebagai elemen yang diadaptasikan bagi merubah masa depan dan perubahan generasi akan datang. Selain daripada mencipta susur perubahan dengan memiliki pendidikan yang sama rata antara ahli dalam masyarakat.



1.8.4 Kesedaran Pendidikan

Kesedaran pendidikan adalah situasi seseorang individu mempunyai pengetahuan dan memahami mengenai kepentingan ilmu pengetahuan, kefahaman yang menyeluruh akan kepentingan pendidikan, dan mencipta persekitaran yang memenuhi ruang lingkup pendidikan di persekitarannya. Selain itu, individu memahami akan kesan serta akibat daripada tindakan yang berkaitan dengan pengabaian pendidikan. Kesedaran mengenai pendidikan adalah tanda bahawa keperluan pendidikan penting untuk memastikan perubahan berlaku dalam proses pertumbuhan dan perkembangan manusia (SUHAKAM, 2010).

Dalam konteks kajian ini, kesedaran pendidikan adalah merujuk kepada penerimaan diri pelajar dalam institusi pendidikan. Selain daripada komunikasi intrapersonal yang meyakinkan dengan bantuan dan tindakan daripada guru untuk memastikan keinginan melayari pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli dapat dipertingkatkan. Tahap kesedaran pendidikan yang tinggi akan menggalakkan para pelajar daripada komuniti Orang Asli mahu ke sekolah dan menuntut ilmu.

1.8.5 Pelajar Orang Asli

Malaysia merupakan sebuah negara yang secara amnya mempunyai lebih daripada berpuluhan latar belakang keunikan budaya mewakili golongan majoriti maupun minoriti. Latar belakang yang berbeza meletakkan ilmu sosiologi sebagai suatu bidang



penting untuk mengkaji cara terbaik memberikan kesaksamaan kepada semua lapisan masyarakat.

Menurut JAKOA (2011), menyatakan Orang Asli merupakan golongan masyarakat yang hidup dengan bergantung kepada bantuan pihak-pihak berwajib selain daripada mempunyai tahap keyakinan yang rendah, kurang penghayatan kepada budaya kerja yang proaktif, tidak mempunyai daya tahan serta daya saing yang kuat untuk menghadapi cabaran, pemalu dan mempunyai diri yang rendah.

Tuntasnya, kajian merujuk pelajar Orang Asli sebagai individu yang memerlukan pendidikan dan layanan sama rata dengan ahli masyarakat lain. Kesedaran mengenai kepentingan pendidikan kepada pelajar Orang Asli adalah perlu untuk diusahakan bagi memastikan golongan Orang Asli dapat melahirkan anak bangsa yang berilmu pengetahuan dan menjadi pelajar yang berjaya membawa perubahan dalam komuniti minoriti Orang Asli khususnya di kawasan lokasi kajian penyelidikan.

1.8.6 Sekolah Orang Asli

Sekolah merupakan sebuah lokasi untuk memperkenalkan dan mendidik mengenai nilai budaya sesebuah masyarakat (Schaefer, 2012:85). Manakala menurut Kendall (2007:86) penubuhan sekolah adalah merupakan tempat menyebarluaskan serta penyaluran maklumat mengenai kepelbagaiannya budaya serta membimbing individu untuk mempraktikkan kemahiran-kemahiran tertentu. Kajian seterusnya oleh Crystal et al. (2004:1367) dan disokong oleh rujukan daripada Howksby (2002:664) mendefinisikan



sekolah sebagai tempat untuk menuntut ilmu dan diklasifikasikan kepada dua tahap iaitu tahap rendah dan tahap menengah. Manakala dalam konteks kajian ini mendefinisikan sekolah sebagai institusi pendidikan di tahap menengah (Sekolah Menengah Kebangsaan) yang mempunyai pelajar Orang Asli di sekitar Daerah Rompin.

Penyelidik memberikan makna sekolah sebagai lokasi seseorang individu menuntut ilmu tanpa sebarang nilai prejudis membatas budaya dan perkauman. Sekolah Orang Asli merupakan institusi yang menerima kehadiran pelajar yang mempunyai latar belakang yang mengamalkan hidup Pribumi. Sekolah Orang Asli adalah sekolah yang mempunyai sebilangan kecil atau jumlah besar pelajar Orang Asli yang ditempatkan bersama pelajar-pelajar lain dalam pendidikan arus perdana.



1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian merupakan limitasi, kekurangan atau halangan yang dilalui sepanjang kajian dijalankan (Amir Hasan, 2006). Penyelidik mengenalpasti lima limitasi yang jelas dilalui sepanjang usaha kajian penyelidikan. Penyelidikan ini mewakili golongan minoriti dengan memilih responden secara rawak mewakili populasi yang dikaji.





1.9.1 Batasan Kajian Mewakili Jumlah Responden

Menurut kajian yang dijalankan oleh (Hanifah Mahat et al., 2015) menyatakan jumlah responden Orang Asli yang mempunyai pendidikan hanya 38% daripada jumlah responden yang memberikan kerjasama kerana kesukaran untuk mempercayai individu daripada luar komuniti Orang Asli. Sejajar dengan hasil kajian (Hanifah Mahat et al., 2015), kajian ini turut menghadapi kesukaran daripada aspek pemilihan responden kajian terhad kepada beberapa responden bertujuan melalui polulasi dan sasaran kajian. Penyelidik memilih enam orang responden bagi memenuhi keperluan objektif dan tujuan kajian. Kajian penyelidikan mempunyai batasan di mana responden yang diperoleh hanya mewakili populasi di sekitar Daerah Rompin.



1.9.2 Batasan Lokasi Kajian

Kajian penyelidikan hanya mewakili lokasi kajian di sekitar Daerah Rompin. Lokasi kajian juga hanya mewakili sesetengah suku kaum Orang Asli yang menetap di sesuatu kawasan tertentu di Daerah Rompin dan masih terdapat banyak suku kaum Orang Asli menghuni di kawasan penempatan lain di semenanjung Malaysia. Seterusnya, kajian oleh (Md Isa, Ahmad Sobri, & Hashnuddin, 2016) menyatakan kedudukan geografi penempatan Orang Asli yang jauh di pedalaman menjadi antara punca kesukaran pembentukan minda dan aksesibiliti kemudahan disampaikan.

Oleh itu, kajian ini memilih sebuah lokasi kajian penempatan Orang Asli walaupun kajian ini tidak mencakupi ruang lingkup serta membolehkan hasil dapatan





kajian mewakili kesemua populasi Orang Asli di Malaysia. Lokasi kajian juga berada di kawasan pedalaman dan agak sukar untuk diakses oleh penyelidik. Kehidupan Orang Asli yang berpindah randah daripada sebuah lokasi ke lokasi penempatan yang lain juga menyukarkan pengumpulan data diperoleh melalui kaedah kualitatif.

1.9.3 Batasan Jangka Masa Kajian

Tempoh masa penyelidikan yang dijalankan tidak mencukupi untuk kajian secara menyeluruh kepada keseluruhan populasi. Kajian ini hanya dijalankan kepada persampelan bertujuan kerana responden mewakili populasi Orang Asli Menurut Othman Lebar (2009) menyatakan kajian penyelidikan kualitatif adalah sebuah tradisi kajian yang panjang dan penuh dengan kepelbagaiannya. Kepelbagaiannya adalah mewakili tradisi, latar belakang, prosedur dan proses kajian kualitatif dengan disiplin penyelidikan. Hal ini menunjukkan kajian mempunyai batasan kajian daripada segikekangan masa yang di lalui oleh penyelidik memaksa jangka masa penyelidikan di singkatkan dan dipadatkan dalam sesuatu jangka masa yang pendek. Penyelidikan dijalankan hanya mengambil masa singkat dan tidak mencapai sasaran responden yang ramai. Jumlah responden berdasarkan masa yang diambil untuk menjalankan sesi temuramah dan soal jawab.



1.9.4 Batasan Instrument Kajian

Instrument kajian berbentuk kualitatif adalah menggunakan pemerolehan data primer yang dihimpunkan daripada proses pemerhatian, temu bual atau kajian lapangan dan dikategorikan sebagai sumber asli bagi membantu penyelidik mencapai objektif kajian (Yusof, 2003). Dalam konteks batasan kajian ini dilihat dari aspek instrument kajian kerana soalan yang dikemukakan hanya memberikan fokus kepada objektif kajian. Generalisasi kajian penyelidikan tidak dapat dikenalpasti secara jelas mewakili populasi golongan Orang Asli secara menyeluruh.

1.9.5 Batasan Kandungan Kajian Lepas

Golongan Orang Asli merupakan golongan minoriti yang kurang dipandang dan diberikan kepentingan dalam kebanyakkan bidang perkembangan dalam arus kehidupan masyarakat. Oleh yang demikian, penyelidik mengalami kesukaran untuk mendapatkan sumber rujukan daripada bahan-bahan rujukan sumber utama mahupun sekunder daripada kajian lepas. Dalam kajian Marican (2005), menyatakan kajian-kajian lepas merupakan data sekunder yang dihimpunkan bagi membantu penyelidik mencapai objektif kajian. Seterusnya (Ang Kean, 2016) menyokong bahawa data kajian lepas tetap masih relevan dan mempunyai kesesuaian dengan objektif kajian yang dijalankan untuk mencipta kerangka serta formula bagi menyelesaikan permasalahan kajian.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini penyelidik memerlukan bahan rujukan lebih luas melalui penyelidikan yang lepas untuk memastikan kajian mendapat maklumat dengan lebih tepat. Penyelidik memilih untuk mendapatkan sumber secara kualitatif daripada golongan Orang Asli dalam kajian penyelidikan. Sumber rujukan utama diperoleh daripada perkongsian daripada golongan Orang Asli yang terlibat dalam kajian penyelidikan. Batasan rujukan tidak menghalang kajian dijalankan akan tetapi ia menyukarkan penyelidik memahami dan menyokong fakta yang dikemukakan.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian dijalankan bertujuan untuk memberikan kesedaran dan sikap cakna dalam kalangan pelajar orang asli mengenai kepentingan kepada kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli. Selain itu, penyelidik berharap hasil kajian dapat memberikan sumbangan sebagai manfaat dan kebaikan kepada penamaian aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Jelas dalam Othman Lebar (2009), sumbangan sesebuah kajian perlu dijelaskan, berdasarkan serta membangunkan pengetahuan asas secara teoritikal dalam sesuatu bidang gunaan atau sains sosial dengan bentuk perubahan tradisi termasuklah menggunakan cara baru, nilai yang bermakna, dan hasil kajian yang kreatif. Oleh yang demikian, hasil dapatan kajian akan dapat membantu pelbagai pihak dalam bidang pendidikan termasuklah golongan moniriti Orang Asli mahupun untuk merancang dan menambahbaik sistem di dalam institusi pendidikan sedia ada yang terdapat di sekolah.



Penyelidik memberikan fokus kepada lima golongan berkepentingan untuk menerima sumbangan kajian yang dijalankan.

1.10.1 Kepentingan Kajian Kepada Golongan Pelajar Orang asli

Kajian yang dijalankan memberikan penekanan kepentingan kesedaran pendidikan dalam golongan pelajar Orang Asli memfokuskan kepada keciciran pelajaran. Kesedaran pendidikan dalam golongan Orang Asli menjadi penghalang ataupun penyokong galakkan mereka untuk menempatkan diri dalam masyarakat, selain daripada menerima bantuan pendidikan mahupun aksesibiliti kepada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.



Hasil kajian akan memberikan pendedahan dan membuka ruang kesedaran serta peluang kepada golongan Orang Asli untuk melihat potensi kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli. Kebolehan mereka membawa dan meletakkan diri dalam sistem sosial akan membantu meningkatkan keinginan untuk menuntut ilmu. Selaras dengan kajian (Mohd Muizzuddin et al., 2018) menyatakan pendidikan adalah suatu kriteria yang utama yang perlu dimiliki oleh semua lapisan dalam masyarakat tanpa mengira tahap usia, latar belakang termasuklah golongan muda komuniti Orang Asli.

Dapatan kajian penyelidikan juga dapat membantu pelajar Orang Asli untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran melalui kebangkitan kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli. Selain daripada meningkatkan prestasi pelajar,



hasil dapatan juga diharapkan akan mendorong pelajar Orang Asli untuk menaiktarafkan kehidupan melalui sistem pendidikan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Oleh yang demikian, secara tidak langsung telah meningkatkan motivasi dalam diri pelajar melalui kesedaran kepada kepentingan pendidikan untuk menyusun langkah yang strategik bagi mencapai kecemerlangan dalam sesi pembelajaran.

1.10.2 Kepentingan Kajian Kepada Masyarakat Orang Asli

Kecicirian golongan minoriti Orang Asli dalam isu pendidikan telah mula dibincangkan sejak beberapa tahun kebelakangan. Kurangnya kesedaran, rasa rendah diri, perasaan takut kehilangan budaya, penghinaan dan pelbagai isu ditimbulkan dalam komuniti Orang Asli apabila mereka tidak dapat menghantar anak ke sekolah.

Kajian penyelidikan adalah berkepentingan bagi golongan masyarakat minoriti untuk memastikan mereka mendapat hak samarata dalam kepelbagaian isu khususnya pendidikan termasuklah keprihatinan dan kepekaan pihak berwajib menyediakan pelbagai kemudahan pendidikan. Menurut Mohd Muizzuddin et al. (2018) kesedaran dan keadaan kehidupan masyarakat Orang Asli masa kini dipengaruhi oleh beberapa faktor yang antaranya ialah tahap pendidikan keluarga, kedudukan sekolah yang jauh dari penempatan, isu penyediaan pengangkutan, tindakan guru, hubungan dengan rakan sebaya dan isu fasiliti di sekolah yang kurang.

Seterusnya, perubahan dalam komuniti dapat diperkasakan dengan memiliki taraf pendidikan sebagai modal sosial perubahan masyarakat. Mobiliti sosial dalam masyarakat Orang Asli akan dapat diperkuuhkan dengan nilai budaya dan adat resam sedia ada ditambah dengan pendidikan dan kefahaman kehidupan. Kesedaran masyarakat Orang Asli mengenai kepentingan pendidikan dapat diperkasakan dengan usaha berterusan dalam mengenalpasti permasalahan yang menghalang kebolehcapaian kemudahan yang boleh disalurkan kepada masyarakat Orang Asli melalui kajian penyelidikan yang berimpak tinggi.

Kemampuan dan kebolehan ahli akademik dalam mengkaji kepelbagai elemen dalam segenap sudut kehidupan mampu memberikan kesedaran dan kebaikan positif kepada golongan Orang Asli. Mengenalpasti kelemahan dan membuaikan idea serta maklumat penamaianan mampu memperluaskan kebolehan ilmu para ahli dan golongan sasaran seperti masyarakat Orang Asli.

1.10.3 Kepentingan Kajian Kepada Generasi Guru

Insan yang bergelar guru adalah individu dipilih untuk dipertanggungjawabkan dalam sesebuah bilik darjah mahupun individu yang diberikan peranan mengelola institusi pendidikan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2016) menggariskan bidang keberhasilan utama dalam bidang tugas seorang guru termasuklah untuk menyampaikan kandungan kurikulum pembelajaran di dalam bilik darjah melalui kepelbagaiannya kaedah pedagogi dan pengaplikasian yang melibatkan interaksi pelajar dan mengaplikasikan kemahiran dan teknik penilaian yang berkaitan secara berkesan.



Hasil kajian penyelidikan akan memberikan bantuan dan kesedaran kepada para pendidik mengenalpasti nilai kendiri anak-anak didik mereka. Setiap pelajar mempunyai nilai keunikan yang berbeza untuk dikenalpasti. Oleh itu, pendidik perlu dibantu dengan hasil kajian yang mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan tinggi bagi menilai kebolehan dan kemampuan pelajar di dalam kelas.

Kesedaran guru mengenai kepentingan layanan sama rata dan kepentingan pendedahan untuk menarik minat golongan minoriti Orang Asli adalah suatu usaha murni untuk memastikan Malaysia membangun bersama setiap inci di tanah tumpah darah pejuang-pejuang bangsa dan nusa. Golongan minoriti juga merupakan entiti yang menyumbang melalui modal sosial, modal ekonomi dan modal budaya oleh kaum masing-masing sebagai suatu nilai yang unik.



1.10.4 Kepentingan Kajian Kepada Pihak Pengurusan Universiti

Pada istilahnya, kajian penyelidikan ini memberikan manfaat besar kepada golongan sasaran khususnya generasi Orang Asli yang mempunyai kepelbagaiannya latar belakang daripada lokasi tempat tinggal, suku kaum, bahasa maupun pengamalan budaya mereka walaupun mempunyai latar belakang kaum yang sama. Keunikan yang dimiliki menjadikan Orang Asli sebagai golongan istimewa untuk dikenali oleh masyarakat lain di Malaysia.





Kajian penyelidikan yang dijalankan oleh pihak ahli akademik terutamanya universiti pendidikan memberikan kesan yang mendalam untuk memastikan institusi pendidikan sebagai wadah penting perantara masyarakat. Kesan pendidikan yang diusahakan hasil daripada dapatan kajian akan mudah untuk diterjemahkan apabila pihak pengurusan universiti mempunyai hasil dapatan secara statistik mengenai keperluan-keperluan yang perlu dititikberatkan.

Selain itu, hasil kajian dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan kepada generasi mahasiswa yang akan menjalankan kajian penyelidikan sama pada masa akan datang berkaitan golongan minoriti Orang Asli. Pendokumentasian hasil kajian penyelidikan adalah salah satu usaha murni pihak pengurusan universiti dalam memperkasakan pendidikan (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2007). Secara khususnya akan mengembangkan dan memantapkan kewujudan golongan Orang Asli yang semakin terkikis nilai budaya dan potensi mereka kerana ditelan arus kemodenan dan pengglobalisasian negara. Kewujudan Orang Asli membuktikan jati diri sesebuah bangsa yang asalnya adalah Pribumi kepada daratan dan nilai aset penting kepada kebudayaan.

1.11 Kesimpulan

Kepekaan, keprihatinan dan kecaknaan pihak berwajib dalam menangani isu keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli merupakan suatu inisiatif yang hampir sia-sia sekiranya pembudayaan dan kesedaran pendidikan tidak dapat dipertingkatkan. Perubahan dalam diri pelajar Orang Asli melalui tiga elemen utama kajian iaitu





penerimaan diri pelajar, komunikasi intrapersonal pelajar dan bantuan atau tindakan progresif guru sebagai fasilitator di dalam kelas menjadi antara objektif utama kerangka konseptual kajian. Hal demikian dilihat mampu menyelesaikan belenggu keciciran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli berpunca daripada tahap kesedaran pendidikan yang rendah. Tuntasnya, kajian ini dirangka dengan harapan agar dapat memberikan sumbangan secara konsisten kepada peningkatan tahap kesedaran pendidikan dalam kalangan pelajar Orang Asli di sekolah menengah, khususnya di sekitar Daerah Rompin, Pahang.

